



ADIBAH AMIN:

Wanita Baru dan Kritik Sosial

WAN NOOR KHUZAIREY



“

“Dengan sepenuh hati saya benarkan bahwa perempuan menjadi soko guru peradaban! Bukan karena perempuan yang dipandang cakap untuk itu, melainkan karena saya sendiri sungguh yakin bahwa perempuan dapat menimbulkan pengaruh dan akibat yang besar dalam hal memperbaiki maupun memburukkan kehidupan. Perempuan adalah yang paling banyak dapat membantu memajukan kesusilaan manusia.

”

R.A. KARTINI

Pengenalan

- ▶ Seorang penulis yang begitu terkedepan dari segi idea melangkaui zamannya. Adibah Amin dalam nada penulisannya bisa di sama ertikan seperti mana Kartini. Kedua-dua pemikir ini amat percaya pada jalan perubahan melalui pendidikan. Dari menyertai pusingan kuasa politik, Adibah Amin lebih selesa mendidik masyarakat melalui penulisan-penulisannya. Nada tulisannya lembut tetapi cukup tajam dalam melihat masalah. Tidak tergopoh-gapah sebaliknya penuh dengan kesantunan. Merenung kembali hasil tulisan Adibah Amin dalam konteks masa kini penting untuk menilai sejauh mana perkembangan masyarakat telah berlaku dan mengambil iktibar terhadap kritikan yang telah disinggung





Latar sosok Adibah Amin

- ▶ Adibah Amin atau nama sebenarnya Khalidah Adibah Amin
- ▶ Lahir 19 Febuari 1936 di Johor Bharu
- ▶ Melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya Singapura sehingga memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera tahun 1957 dan diploma pendidikan
- ▶ Latihan Ilmiah semasa Ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu Berkenaan Ahmad Lutfi: On Education and Freedom of Women
- ▶ Menjadi pendidik di beberapa buah sekolah dan pensyarah di Maktab Perguruan Bahasa
- ▶ Beliau hidup sezaman bersama Anis Sabirin, Khadijah Hashim, Kassim Ahmad dan Syed Husin Ali
- ▶ Pernah bertugas dengan akhbar The New Straits Times sebagai kolumnis dan penolong khas kepada pengarang disamping menjadi penasihat kepada majalah Jelita.
- ▶ Hasil karya beliau berbentuk esei, drama, cerpen, rencana dan novel.
- ▶ Antara Anugerah diterima termasuk Anugerah Tun Razak (1998) atas sumbangan dalam pendidikan dan Anugerah Sastera Johor (1996)
- ▶ Wafat pada 21 Julai 2010

Penghasilan Karya

Karya Fiksyen

- ▶ *Bangsawan Tulen*, MBS, 1950
- ▶ *Seroja Masih di Kolam*, Pustaka Melayu Baru 1968
- ▶ *Tempat Jauh lagi Dikenang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983
- ▶ *This Is The End of The Rainbow*, The Pheonix Press, 2006

Karya Esei

- ▶ *As I was passing* , MPH Group Pub., 2006
- ▶ *As I was passing II* , MPH Group Publishing, 2007.
- ▶ *Glimpses : cameos of Malaysian life* , MPH Group Publishing, 2008.
- ▶ *Hidup Seribu Liku* , Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1982


Terjemahan

- ▶ *A big feast* / Khadijah Hashim, terjemahan oleh Adibah Amin, K Publishing, 2001.
- ▶ *The sky is going to fall* / Khadijah Hashim ; terjemahan oleh Adibah Amin, K Publishing, 2001.
- ▶ *Jungle of hope* / Keris Mas ; terjemahan oleh Adibah Amin ,DBP, 2000.
- ▶ *No harvest but a thorn* / Shahnnon Ahmad; Terjemahan oleh Adibah Amin: Oxford University Press, 1972.

Gagasan Idea Wanita Baru

Adibah Amin telah membangunkan gagasan idea yang diberi nama sebagai wanita baru. Antara yang menjadi perhatian beliau adalah dikriminasi terhadap wanita sama ada di tempat kerja mahupun di rumah. Kerap kali wanita dianggap sebagai kelas kedua tanpa diberikan premium khas buat mereka dan bertindak sebagai pelengkap sahaja. Dalam tulisannya:

“Benarkah wanita telah mencapai taraf samarata dengan lelaki? Gaji sama masih belum dilaksanakan sepenuhnya. Peluang diambil kerja, peluang naik pangkat, masih jauh berbeza, walaupun sukar orang hendak mengakui kenyataan ini. Wanita masih 'dihukum' kerana tugas kewanitaannya; masih ramai orang yang menghujah bahawa wanita tidak harus diberi layanan yang sama dalam pekerjaan kerana mereka nanti cuti bersalin (!) Prasangka dan pilih bulu masih terdapat. 'Tokenisma' juga masih wujud, wanita dilantik ke jawatan itu ini, badan itu ini, semata-mata sebagai 'token', melepaskan batuk di tangga, jangan orang kata wanita diketepikan; pada hal kerap kali berlaku, wanita yang dipilih itu kurang layak tetapi "selamat" sedangkan yang lebih layak nanti takut 'membuat kacau'. Wanita masih sering dikehendaki sebagai perhiasan, memberi "seri" kepada sesuatu kumpulan, bukan sebenarnya menyumbangkan buah fikiran.”



Sebagai wanita baru Adibah Amin mencadangkan supaya wanita baru tidak tinggal diam terhadap diskriminasi seterusnya berani menyuarakan dan merebut kembali hal yang telah dirampas. Baik secara individu mahu pun secara solidariti bersama kelompok wanita yang lain

“Wanita baru harus menyorot dan menimbangkan segala ini (diskriminasi dan hak) serta merancang langkah-langkah, baik secara perseorangan di tempat kerja dan dalam rumah tangga sendiri, maupun secara kumpulan menggembelng suara dan menuntut hak bagi semua wanita

Namun dalam memperjuangkan khas, wanita baru tidak sewenangnyanya menganggap laki-laki sebagai musuh yang harus diperangi, sebaliknya merangkul bersama laki-laki yang sedar, saling berkerjasama untuk menciptakan perubahan

“Wanita baru tidak memandang lelaki sebagai musuh atau saingan. Antara pejuang-pejuang hak wanita yang paling jujur dan lantang suaranya ialah orang-orang lelaki yang sedar. Lelaki adalah teman seperjuangan dalam membina masyarakat dan dalam membina rumah tangga. Wanita baru dalam bidang-bidang pekerjaan baru dan lama menerima hakikat ini dan menjadikannya panduan bagi segala tindakannya.



2. Memupuk Sifat Mandiri yang Teguh


Seorang wanita baru menurut Adibah Amin perlu memupuk sifat mandiri, mengurangkan kebergantungan supaya wanita boleh membuat keputusan yang tegas dan tuntas dan boleh menghindarkan diri keganasan, penindasan dan paksaan


- ▶ “Dalam hal-hal besar suaminya tahu bahawa ia tidak boleh dipermainkan. Ia mahu dihormati sebagaimana dia menghormati. Ia mau memberi kesetiaan sebagaimana ia memberi kesetiaan. Dan jika suaminya gagal dalam hal-hal penting ini, gagal yang tidak dapat diampunkan lagi, ia akan melangkah pergi dengan tenang dan tegas
- ▶ “Di sinilah letaknya perbezaan antara wanita baru dan lama-perbezaan sihat yang disebut kemajuan. Wanita baru tidak lagi bergantung hidup kepada lelaki baik dalam erti kata ekonomi, maupun dalam erti kata kemasyarakatan dan pergaulan. Selama wanita takut melangkah pergi meninggalkan perkahwinan yang tidak bahagia, kerana takut kehilangan taraf isteri di mata masyarakat, walaupun tidak kehilangan gaya hidup mewah, maka selama itulah wanita tetap bercorak lama tetapi di bawah telunjuk lelaki

3. Mengangkat Kesedaran Politik yang ampuh

Adibah Amin juga mengingatkan bahawa wanita jangan sesekali mengalienasikan dirinya dengan politik, politik tidak bermaksud parti politik semata tetapi melihat situasai, perebutan wacana dan pemusatan kuasa yang berlaku dengan kritis. Berantisipasi dengan memperjuangkan hak sekiranya dilupakan dan diabaikan.

- ▶ “Bagaimanakah pendirian seorang wanita "baru" dalam keadaan demikian? Pertamanya, walaupun ia tidak mahu masuk politik secara langsung, ia tidak boleh tinggal dalam kejahilan tentang politik. Ada orang berkata: politik meresapi setiap liku hidup. Kata-kata ini banyak kebenarannya. Untuk mengundi dengan bijak bagi menjamin masa depan anak-anak dan kehidupan sendiri pun, wanita harus tahu serba sedikit selok belok politik, sekurang-kurangnya politik negaranya. Untuk jadi penyokong sesuatu gerakan, seseorang itu harus memahami segi politik gerakan itu; apa lagi untuk memimpin sesuatu gerakan




- 
- ▶ “Tidak ada ertinya kita menjerit minta ditambah bilangan wanita di badan-badan penting jika kita tidak memperbaiki diri sendiri dari segi pengetahuan dan pengalaman. Kalau berjaya pun jeritan itu, kita akan tahu dan semua orang akan tahu bahawa sekerat dua kaum wanita yang ditambahkan itu adalah untuk tokenism semata-mata, tidak kerana mereka sememangnya berkebolehan. Jika diteliti hal ini sedalam-dalamnya, ternyatalah bahawa meletakkan wanita di tempat-tempat demikian dengan sebab demikian adalah merupakan penghinaan, bukan penghormatan. Wanita baru tidak harus mementingkan imej daripada kenyataan, yang lahir daripada yang batin. Yang dikehendaki ialah kesamarataan, bukan kemanjaan, disumbat gula-gula supaya kita berhenti menangis meraung.”




- ▶ “Seperkara lagi yang perlu dikikis ialah sikap setengah wanita yang tidak yakin kepada jenisnya sendiri. Seorang pemimpin wanita pernah mendedahkan kelemahan ini. Walaupun ada wanita yang layak, malah lebih layak dari lelaki, ramai wanita yang lebih suka mengundi lelaki sebagai pemimpin mereka.”

Kritik Sosial dalam mata penanya

- ▶ Adibah Amin seorang penulis yang sadar akan perkara yang berlaku disekelilingnya sudah tentu tidak akan terlepas dengan mengajukan kritikan terhadap masalah serta bagaimana mahu menyelesaikannya. Ini terangkul sekali di dalam masalah bahasa, kemanusiaan, perpaduan dan orientasi keagamaan.






1. Kemanusiaan dan Perpaduan

Seperti mana sasterawan yang lain, Adibah Amin juga tidak terkecuali melihat feudalisme sebagai hambatan kepada kemajuan bangsanya. Kerana pendirian feudal ini akan menarik kemajuan bangsanya kebelakang

- ▶ "Kata orang Melayu nak merdeka?" seru Khalilah dengan bersemangat, "Bagaimana nak merdeka kalau kita semua masih tersembah-sembah dan mengata diri kita hamba - hamba tengku, hamba tengku, hamba Datuk, hamba tuan, hamba entah siapa-siapa lagil Jadi tengku dan Datuk-datuk itulah sahaja yang mereka - kita tinggal tetap jadi hamba." (Bangsawan Tulen)



Dalam sebuah negara yang pernah dijajah dengan konsep pecah dan perintah tidak akan pernah lari dengan masalah kesepaduan dan perpaduan. Beban kolonial ini akhirnya mewujudkan kacau bilau dan lebih malang lagi ia telah disambung pada oleh elit pemerintah. Maka Adibah Amin antara penulis yang sedar akan kemelut ini dan tampil secara konsisten mengkritik. Antaranya seperti di dalam tulisannya novelnya:

- ▶ "How come the three of us never felt race prejudice?» Nimmi wondered. "We're lucky," said Surmeet. "Partly it's our parents' attitude. The way they brought us up. "Yet in some ways, " said Ayu."I'm very Malay, Nimmi's very Malayali dan Surmeet's very Punjabi. Maybe the point is we accept our differences. "Not just accept." Nimmi stressed. "We love those differences. "It's also knowing one another so well." Surmeet said.
- ▶ "Orang kita. Yang lain orang apa, kata hatiku bertanya. Orang mereka? Yang mana kita, yang mana mereka? Mungkinkah satu hari nanti Yah dan Soo Im kurangkul dalam satu "kekitaan"

2. Orientasi keagamaan

Nada kritikan agama beliau cukup penuh dengan nuansa kemanusiaan. Seperti mana Kartini, beliau juga mahukan keagamaan yang harmoni dan aman.

- ▶ sikap ayah Hanim ini sedikit sebanyak melunturkan pengaruh Busu yang masih belum matang pemikirannya dalam pembentukan persepsi Ayu terhadap individu daripada bangsa dan agama lain. Hal ini digambarkan dalam dialog Hanim dengan ayahnya setelah menonton perarakan Thaipusam tersebut:

"Bai agama apa?"

"Sikh."

"Orang-orang itu?"

"Hindu."

"Aya Sabit?"

"Rasanya Hindu."


"Jadi semuanya nanti masuk neraka?"

"Hanya Tuhan yang tahu, Hanim." Rahsia lagi. Tetapi aku lebih suka bab ini tinggal menjadi rahsia. Aku sedih bila Busu mengatakan dulu bahawa Bai Janggut, Aya Sabit, serta anak-anak mereka semua akan masuk neraka kelak.

3. Bahasa dan pemikiran

Ini terserlah dalam kehidupan beliau, generasi bilingual yang sudah langka bahawa tidak ada hierarki bahasa, kedua-dua bahasa amat penting.

- ▶ "Saya cinta akan bahasa Inggeris. Anda boleh membuat apa-apa sahaja dengannya. Saya suka akan bahasanya yang tidak kemas. Peraturan-peraturannya tidak tegar. Saya juga tidak kisah tentang ejaannya yang gila. Saya tak nak pembaharuan untuk bahasa itu. Sudah tentu, kesemuanya bergantung kepada bagaimana bahasa itu digunakan. Bahasa itu boleh bersifat penuh gah yang menggerunkan. Bagaimanapun, saya masih lebih cinta akan bahasa Melayu. Apabila saya menulis sesuatu dengan mendalam, ia ternyata ditulis dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa Inggeris, saya hanya menulis dengan cara yang tidak serius kerana bahasa itu merupakan bahasa kedua saya, dan saya tidak suka mencuba dengan bersungguh-sungguh. Hasilnya tidak sebegitu baik seperti yang saya kehendaki." Asianweek

- 
- ▶ “What about “Masuk kandang kambing mengembik, masuk kandang kerbau menguak”? It means, literally, “When among goats, bleat; when among buffaloes, low”. The English equivalent is “When in Rome, do as the Romans do” It may be sensible advice up to a point, but beyond that it teaches cowardly conformity, which is the last trait we want in a young nation. Sure, a measure of socialisation is necessary if society is to survive at all. But just as vital is the nurturing of originality. We need people who dare to be different, who will speak their own tongues loud and clear whether they are with goats or buffaloes, and risk getting butted or gored”
 - ▶ “Nor would you wish to cling to the saying “Di mana lagi kutu nak makan, kalau tidak di atas kepala” (“Where else would the lice eat, if not on the head”). Uttered in graceful speeches by underlings to their masters, this perpetuates a disgraceful dependence. It encourages patronage and parasitic existence, and is certainly not consonant with human dignity.”

Penutup

- ▶ Adibah Amin merupakan seorang penulis yang tegas dan tepat dalam menyampaikan gagasan serta kritikan. Di satu sisi merupakan perumpamaan awal untuk berbicara tanpa menekankan secara eksklusif tetapi menggabungkan isu sosial merupakan contoh buat generasi kini. Gerakkan idea beliau tidak perlu menunggu gerakan feminisme tetapi memikirkan terus masalah yang berlaku